



TEMPAT DAN TARikh PROGRAM

Tarikh : Jumaat (23 Mei 2014) hingga Ahad (1 Jun 2014)

Tempat : Taman Botani Perdana, Kuala Lumpur

Masa : Isnin – Jumaat (9.00 am – 7.00 pm)

Sabtu/Ahad (9.00 am – 10.00 pm)

SINOPSIS PROGRAM

Program Kuala Lumpur Orchid and Bonsai Show (KLOBS) 2014 anjuran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur merupakan kesinambungan daripada Pameran Bonsai dan Orkid Kuala Lumpur pada bulan Mac 2012 yang telah diadakan pertama kalinya di Taman Botani Perdana, Kuala Lumpur. Program ini bertujuan untuk mempromosikan Taman Botani Perdana kepada pengunjung tempatan dan luar negara selain menjadikan bunga orkid dan Bonsai sebagai tarikan utama pengunjung untuk pameran ini. Selari dengan Tahun Melawat Malaysia 2014, program Kuala Lumpur Orchid and Bonsai Show (KLOBS) 2014 dijangka akan menarik lebih ramai pengunjung berbanding tahun-tahun sebelum khususnya penduduk dan pelancong di sekitar Kuala Lumpur. Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak dijangka akan merasmikan program KLOBS 2014 dan juga struktur baru Taman Botani Perdana iaitu kanopi pada malam hari Jumaat, 23 Mei 2014.

Selain daripada itu, program ini bertujuan mempromosikan kecantikan dan keunikan bunga Orkid dan Bonsai untuk dikongsikan bersama pencinta bunga Orkid dan Bonsai. Bunga Orkid terdiri daripada kelompok famili Orchidaceae iaitu kumpulan famili tumbuhan berbunga paling banyak di dunia. Bunga Orkid

mempunyai 22,000 hingga 35,000 spesies termasuk spesies yang masih belum diklasifikasikan lagi. Menariknya, di Semenanjung Malaysia sahaja dianggarkan sekurang-kurangnya 800 spesies yang telah dikenalpasti oleh pengkaji manakala lebih 2,500 spesies lagi dikenalpasti tumbuh di Sabah dan Sarawak. Bagi pokok Bonsai pula, pameran dan pertandingan tertumpu kepada seni penanaman pokok Bonsai di dalam bekas yang dikenali sebagai ‘Penjing’ atau ‘Penzai’. *Penjing* ini berasal daripada seni penanaman dalam mengetengahkan seni artistik dalam bentuk miniatur. Pada asasnya, Bonsai merupakan himpunan teknik untuk tumbesaran, membentuk dan menjaga mengikut bentuk yang dikehendaki dalam saiz miniatur tetapi kekal asli dan berusia (lama). Berasal daripada perkataan Jepun, ‘Bonsai’ yang bermaksud pokok di dalam bekas juga digunakan sebagai pemberian hadiah mewah dan masih diamalkan bagi sesetengah masyarakat masa kini.

Bagi program KLOBS 2014, pemilihan bunga Orkid dan Bonsai dengan komposisi bentuk yang menarik membolehkan pengunjung melihat dari dekat keunikan tumbuh-tumbuhan ini. Pameran dan pertandingan ini yang akan diadakan di Laman Perdana iaitu di kawasan himpunan koleksi tanaman topiari Pokok Kesinai yang menjadi pokok tema bagi logo Taman Botani Perdana, Kuala Lumpur. Pengunjung juga bertuah kerana dapat mempelajari teknik-teknik penjagaan bunga Orkid dan Bonsai melalui aktiviti *Garden Talk* penjagaan bunga Orkid dan Bonsai, serta menyertai aktiviti-aktiviti menarik dan membeli bunga-bungaan daripada gerai-gerai jualan yang disediakan.

OBJEKTIF PROGRAM

Objektif program KLOBS 2014 yang diadakan adalah:

- i. Memupuk minat dalam masyarakat untuk menghargai dan mengenali dengan lebih terperinci keistimewaan tumbuh-tumbuhan unik seperti Orkid dan Bonsai.
- ii. Mempromosikan keunikan tanaman Orkid dan Bonsai dalam pelbagai rekaan sebagai medium kecantikan dan hiasan di taman-taman dan di rumah.
- iii. Berkongsi ilmu bermanfaat daripada pakar dengan peserta melalui pelbagai aktiviti selaras dengan matlamat pendidikan pembelajaran di Taman Botani Perdana.
- iv. Memupuk kesedaran dan perpaduan dengan penduduk sekitar terutamanya golongan belia dan pelajar tentang kepentingan memelihara dan menghargai taman-taman awam untuk kegunaan bersama.

AKTIVITI PROGRAM

Antara aktiviti-aktiviti menarik yang boleh disertai di KLOBS 2014 adalah:

1. Pameran dan Pertandingan Orkid
2. Pameran dan Pertandingan Bonsai
3. **Pertandingan Gubahan Bunga (*Floral Arrangement Competition*)**
4. *Garden Talk*
5. Lawatan Diraja oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong
6. Pertandingan Lukisan Graffitti
7. Pertandingan Melukis dan Mewarna
8. Pertandingan *Garden Hunt*
9. Pertandingan Memanjat Pokok
10. Pertandingan Larian (Fun Run)
11. Pertandingan Fotografi
12. Pertandingan Memancing
13. Persembahan Orkestra
14. Persembahan Hiburan dan Kebudayaan
15. Perkampungan Kraftangan (Cultural Village)
16. Jualan Makanan (Garden Café)

PERTANDINGAN GUBAHAN BUNGA (FLORAL ARRANGEMENT COMPETITION)

Pertandingan gubahan bunga merupakan salah satu aktiviti yang akan berlangsung dalam program KLOBS 2014. Karnival ini amat menarik bagi mereka yang sukakan kecantikan dan keindahan bunga-bungaan dan ingin menonjolkan kreativiti gubahan pelbagai spesis bunga segar.

Pertandingan gubahan bunga ini diadakan bagi memberi peluang kepada peserta dari dalam dan luar negara yang profesional dalam gubahan dan rekacipta bunga.

Para peserta akan menonjolkan kreativiti dalam menghasilkan gubahan bunga pelbagai rekaan yang kreatif dan menarik. Tambah menarik peserta dapat mengolah rekaan serta konsep mengikut tema dengan budaya dan kesenian unik masing-masing.

TEMA

Tema bagi Pertandingan gubahan bunga (Floral Arrangement Competition) semperna KLOBS 2014 adalah "**FLORAL FLOURISH – A Walk in the Park**" iaitu himpunan bunga-bungaan pelbagai jenis, bentuk dan warna memenuhi setiap ruang dan bahagian yang sungguh menyegarkan dan ceria.



Floral Flourish Arrangements

Floral Wish to Your Close and Loved One

{*People say "A picture paints a thousand words". Floral Flourish, mean more than words. Say "I miss you", "I am sorry I cannot be with you through this difficult time", "Congratulations on the arrival of your long awaited baby", "Thank you for being so wonderful", "my condolences" or simply "I love you" with flowers. Every bouquet or arrangement is unique and represents the intent of the sender. Therefore, every floral creation is made uniquely and from the heart}*}